

28/09/1998

Dr M tidak sanggup tanggung dosa: Mohamed

JOHOR BAHRU, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak sanggup menanggung dosa besar jika beliau tidak mendedahkan perkara sebenar mengenai perilaku Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bertentangan dengan ajaran Islam, kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat.

Menurutnya, selaku pemimpin negara yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, Perdana Menteri sedia menghadapi pelbagai cabaran dalam menegakkan kebenaran.

"Tindakan Dr Mahathir itu bagi menjaga maruah bangsa, negara dan agama Islam kerana pemimpin tidak bermoral boleh menghancurkan masa depan negara," katanya selepas sambutan Hari Wanita Umno Pulau, di sini hari ini.

Mohamed yang juga Ketua Umno bahagian Pulau berkata, tindakan Dr Mahathir bukan bermaksud memfitnah Anwar, tetapi beliau mempunyai bukti kukuh terhadap kelakuan seks luar tabii Anwar.

"Kalau pemimpin yang diharapkan itu tidak bermoral, bagaimana dia hendak mempertahankan kedaulatan negara, bangsa dan agama...sebab pemimpin tidak bermoral akan melakukan apa saja bagi memuaskan nafsunya," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap rakyat dapat menerima hakikat pelucutan jawatan Anwar daripada Kabinet dan pemecatan keahliannya dalam Umno dilakukan demi kepentingan bangsa dan negara.

"Setiap rakyat perlu menerima tindakan itu walaupun ia sukar dipercayai sebelum kes itu dapat dibicarakan di mahkamah terbuka apabila siasatan mengenainya selesai," katanya.

Ahad lalu, dia ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana menganjurkan perhimpunan haram yang menyebabkan rusuhan sehingga menjejaskan ketenteraman awam.

Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) berkata, penyokong Anwar tidak perlu berarak sebagai protes terhadap tindakan yang dibuat oleh kerajaan.

(END)